



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**2 FEBRUARI 2021 (SELASA)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**2 FEBRUARI 2021 (SELASA)**

HARI : SELASA  
TARIKH : 2/2/2021  
M/SURAT : 20

Ops Catut 8.0

# 240 peniaga peranti terima notis

Tempoh 2 hari kemuka maklum balas harga, kos barang jualan

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Berang:** Sebanyak 240 notis dikeluarkan kepada peniaga peranti elektronik di seluruh negara untuk memberi maklum balas segera kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berhubung harga jualan dan kos barang yang dijual mereka.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata notis pengesahan maklumat barang dikeluarkan kepada peniaga bertujuan menges wujud elemen pencatutan.

"Peniaga yang menerima notis ini diberi tempoh dua hari untuk mengemukakan maklum balas dan maklumat secara terperinci harga jualan dan kos barang untuk siasatan pihak kementerian," katanya selepas merasmikan kedai runcit bergerak Prihatin Bergerak peringkat Parlimen Hu-



Rosol melayan pengunjung di Kedai Runcit Bergerak di Dataran Kuala Telemong, Kuala Berang, semalam.  
(Foto Baharom Bakar/BH)

lu Terengganu di Dataran Kuala Telemong, di sini, semalam.

Rosol mengulas Ops Catut 8.0 yang dilaksanakan kerajaan selama 14 hari sejak 26 Disember lalu bertujuan membendung manipulasi harga peranti elektronik oleh peniaga susulan pelaksanaan Pe-

ngajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, notis itu dikeluarkan kepada peniaga mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

"Operasi pemantauan ke atas pe-

niaga peranti elektronik, komputer dan telekomunikasi akan dilakukan sehingga Isnin depan," katanya.

Rosol berkata, peniaga yang dikesan mengamalkan pencatutan berdepan tindakan mengikut Seksyen 21(5), AKHAP 2011 yang iaitu didenda maksimum RM100,000.

HARI : SELASA  
TARIKH : 2/2/2021  
M/SURAT : 5



# KPDNHEP keluar 248 notis kepada peniaga

Peniaga diminta sahkan maklumat barang bagi kesan wujud pencatutan atau ambil untung berlebihan

Oleh RAHAYU MUSTAFA

HULU TERENGGANU

**S**ebanyak 248 notis dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kepada peniaga perkakasan komputer, telekomunikasi dan peranti elektronik di seluruh negara.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, notis di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatuan (AKHAP) 2011 itu dikeluarkan melalui Ops Catut 8.0 yang diadakan sejak 25 Januari lalu.

Menurutnya, melalui notis itu, peniaga diminta membuat pengesahan maklumat barang dan ia dilakukan bagi mengesahkan kewujudan sebarang elemen pencatutan atau mengambil untung berlebihan.

"Ops Catut 8.0 yang dilaksanakan selama 14 hari bertujuan membendung salah laku atau manipulasi harga oleh peniaga susulan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh Perintah Kawalan Perge-

OPS  
CATUT 8.0



Rosol (kiri) membantu orang ramai yang datang membeli barang keperluan di Prihatin Mart di Kuala Telemong, Hulu Terengganu pada Isnin.

rakan (PKP).

"Operasi pemantauan ke atas peniaga perkakasan komputer, telekomunikasi dan peranti elektronik akan dilakukan sehingga Isnin depan.

"Peniaga yang menerima notis itu diberi tempoh dua hari untuk kemuka maklum balas dan maklumat secara terperinci harga jualan dan kos barang bagi memudahkan siasatan lanjut dilakukan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata demikian ketika melawat jualan perintis projek komuniti, Prihatin Mart di Kampung Kuala Telemong di sini pada Isnin.

Prihatin Mart ialah kedai runcit bergerak yang menawarkan jualan barang makanan asas pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran hasil inisiatif dan

sumbangan Rosol kepada komuniti setempat.

Usaha itu dibuat atas keprihatinan dan kecaknaan kerajaan Perikatan Nasional untuk membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat terutama yang terkesan dan terjejas dengan pandemik Covid-19 serta golongan B40.

Prihatin Mart menawarkan pelbagai barang makanan asas seperti gula, beras, minyak masak, susu pekat, tepung, makanan dalam tin, bahan masakan dan minuman berperisa pada harga patut lebih murah dan kompetitif ke arah menangani kos sara hidup rakyat.

Rosol berkata, Prihatin Mart yang memuatkan nilai barang sehingga RM15,000 akan bergerak dari satu kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) ke DUN lain di Parlimen Hulu Terengganu mengikut jadual yang ditetapkan.

# Prihatin Mart bantu ringan beban rakyat

Oleh NOOR HAYATI MAMA

**HULU TERENGGANU** – Pusat Khidmat Parlimen Hulu Terengganu mengambil inisiatif mewujudkan Prihatin Mart yang merupakan kedai runcit bergerak menjual barang keperluan dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada pasaran.

Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid berkata, Prihatin Mart merupakan projek komuniti yang bertujuan membantu meringankan beban sara hidup penduduk daerah tersebut sewaktu tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, kedai runcit bergerak berkenaan menyediakan 91 barang keperluan asas termasuk gula, beras, minyak masak dan

tepung gandum.

"Kita cakna dengan nasib ramai rakyat terutama dalam kalangan golongan B40 yang terkesan dan terjejas pendapatan akibat penularan pandemik Covid-19 ini."

"Harga barang keperluan asas dijual dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada pasaran. Sebagai contoh, sekampit beras seberat 10 kilogram (kg) yang berharga RM26 dijual pada harga RM18 sahaja di Prihatin Mart," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memantau operasi hari pertama Prihatin Mart berkenaan di Dataran Padang Kacung, Kuala Telemong di sini semalam.

Rosol berkata, kedai runcit bergerak tersebut akan beroperasi seminggu sekali dengan meliputi satu daripada empat Dewan Undangan Negeri (DUN) di Parlimen Hulu Terengganu bermula dengan Telemong.

Ujar beliau, Prihatin Mart selepas ini akan diadakan di DUN Kuala Berang sebelum kemudiannya ke Manir dan Ajil bagi memberi peluang kepada sebahayaknya mungkin penduduk di Parlimen tersebut menikmatinya.

"Pengguna dihadkan pembelian hanya tiga unit bagi setiap item yang dibeli di Prihatin Mart pada setiap transaksi bagi membolehkan lebih ramai rakyat menikmati barang keperluan asas pada harga murah ini," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Kuala Telemong, Nornizar Ismail, 39, berterima kasih dengan inisiatif Pusat Khidmat Ahli Parlimen Hulu Terengganu mewujudkan Prihatin Mart.

Dia juga mencadangkan agar perkhidmatan kedai runcit bergerak itu diperluaskan lagi ke kawasan lain di seluruh negara demi manfaat rakyat.



ROSOL (kiri) membantu sebahagian pelanggan membeli barang keperluan asas di Prihatin Mart di Dataran Kacung, Kuala Telemong semalam.

# Ingkar arahan TTPM, denda bakal menanti



Analisis  
Semasa

Bersama  
**NUZULSHAM  
SHAMSUDDIN**

**BULAN** lalu, pelakon dan penerbit Boy Iman dan syarikatnya, DBI Properties Sdn. Bhd. didenda RM5,000 oleh Mahkamah Majistret Putrajaya atas pertuduhan gagal mematuhi award (perintah) Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) empat tahun lalu.

Majistret Shah Wira Abdul Halim menjatuhkan hukuman denda itu sebanyak RM3,000 terhadap Boy Iman atau nama sebenarnya Noruliman A. Rahman, 41, dan RM2,000 terhadap syarikatnya iaitu DBI Properties.

Hukuman itu dijatuhkan selepas selebriti itu selaku orang kena saman (OKS) mengaku salah atas kedua-dua pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, Boy Iman dan DBI Properties didapati ingkar arahan yang dibuat di pejabat TTPM Putrajaya bertarikh 28 Februari 2017 yang memerintahkan mereka membayar RM12,000 kepada pihak menuntut selepas 14 hari dari tarikh award itu.

Kesalahan dilakukan di Pejabat TTPM Aras 5, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya pada 5 Oktober 2017.

Pada Ogos 2018, seorang pengetahuan syarikat pengendali paket umrah pula didenda RM18,000 di Mahkamah Majistret Kemaman, Terengganu kerana gagal mematuhi perintah TTPM untuk memulangkan wang enam jemaah umrah bernilai RM30,900.

Dua kes yang disebutkan itu antara contoh selepas mereka selaku penentang gagal mematuhi award TTPM sehingga terpaksa didakwa di mahkamah.

Pengarah Bahagian Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Azman Adam berkata, sebagai sebuah kementerian yang menegakkan hak-hak kepenggunaan, pihaknya memandang serius isu ketidakpatuhan award.

"Jika si penentang gagal hadir ke mahkamah, KPDNHEP tidak akan tergagak-agak membawa ke muka pengadilan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*.

Ujarnya, kementerian mempunyai kuasa untuk mendakwa mereka yang ingkar award mengikut Seksyen 117(1) Akta Pelindungan Pengguna 1999 yang boleh dihukum di bawah seksyen dan akta sama.

Hukuman bagi seksyen itu memerlukan denda maksimum 10,000 atau penjara sehingga dua tahun jika sabit kesalahan.

Azman berkata, sebagai contoh dalam kes terbaru pihak

KPDNHEP berjaya memberkas seorang lelaki berusia 30-an pada November dua tahun lalu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) atas kesalahan tidak mematuhi award yang kemudian berjaya menuduhnya di mahkamah.

"Apa yang ditegaskan di sini meskipun hanya kesalahan tidak mematuhi award serta gagal hadir di mahkamah, pihak berkuasa boleh menangkap dan mengesan mereka," ujarnya.

Ditanya adakah masih ramai pihak menganggap TTPM sebuah 'mahkamah tidak penting', Azman tidak menolak anggapan itu kerana masih ramai yang ingkar award yang dikeluarkan.

TTPM adalah satu badan bebas yang ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Bahagian XII Akta Pelindungan Pengguna 1999 [Akta 599] dan diletakkan di bawah KPDNHEP.

Ia berfungsi untuk mendengar dan mengadili tuntutan-tuntutan yang difaikan pengguna di bawah Akta 599.

Sebelum penubuhan tribunal ini, semua pertikaian antara pengguna dan peniaga, pembekal atau pengilang barang atau pembekal perkhidmatan difaikan dan didengar di mahkamah sivil.

Namun, ia melibatkan prosedur-rumit, kos tinggi dan masa yang panjang.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam RM5.90
- Daging Lembu Tempatan RM34
- Daging Lembu Import RM19.99

- Telur Gred A RM10.20
- Ikan Kembung RM6.28
- Minyak Masak RM5.30

- Gula Pasir RM2.85
- Bawang Besar Holland RM2.99
- Bawang Putih RM2.99

- Cili Merah RM14
- Kubis Bulat Tempatan RM3.80
- Tepung Gandum RM1.35

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : SELASA  
TARIKH : 2/2/2021  
M/SURAT : 16